

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANIVANAN a/l GOWINDASAMY  
[ KAPAR - KEADILAN ]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN (NO. 32)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan penilaian prestasi (post mortem) terhadap atlet-atlet negara dalam Sukan Komanwel ke-20 di Glasgow, memandangkan Malaysia gagal untuk mencapai matlamat tujuh emas yang ditetapkan. Nyatakan juga bilangan peserta atlet dan rombongan delegasi serta jumlah perbelanjaan para atlet dan rombongan delegasi Malaysia sepanjang berlangsungannya Sukan Komanwel.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kontinjen negara yang telah menyertai temasya Sukan Komanwel Glasgow 2014 yang lalu adalah seramai 269 orang. Mereka terdiri daripada :
  - i. 179 atlet (104 lelaki; 75 wanita)
  - ii. 72 pegawai pasukan (58 lelaki; 14 wanita)
  - iii. 9 pegawai perubatan dan sains sukan (6 lelaki; 3 wanita)
  - iv. 9 pegawai sekretariat (7 lelaki; 2 wanita).
2. Sukan Komanwel Glasgow 2014 mempertandingkan sebanyak 261 acara yang menawarkan 261 pingat emas keseluruhannya. Kontinjen negara telah mensasarkan sebanyak **7 pingat emas** daripada 130 acara yang disertai. Secara keseluruhannya kontinjen negara telah memenangi **6 pingat emas**, **7 pingat perak** dan **6 pingat gangsa**.
3. Pencapaian sasaran sukan-sukan terlibat adalah seperti berikut:
  - i. **Angkat Berat**  
Mencapai sasaran 1 emas melalui Mohd Hafifi Mansor (69kg).
  - ii. **Badminton**  
Mencapai sasaran 3 emas melalui acara Berpasukan Campuran, Tan Wee Kiong dan Goh Wei Shem (Bergu

Lelaki) serta Vivian Hoo Kah Mun dan Woon Keh Wei (berguna wanita).

**iii. Skuasy**

Mencapai sasaran 1 emas melalui Dato' Nicol David (perseorangan wanita).

**iv. Terjun**

Mencapai sasaran 1 emas melalui Ooi Tze Liang (3m Springboard).

**v. Berbasikal Trek**

Gagal mencapai sasaran 1 emas apabila Azizul Hasni Awang (Keirin) hanya memenangi pingat gangsa.

**vi. Lawn Bowls**

Gagal mencapai sasaran 1 emas apabila 'Men Pairs' dan 'Women Fours' hanya memenangi 2 pingat perak.

4. Jumlah keseluruhan perbelanjaan untuk menghantar Kontingen Malaysia ke Sukan Komanwel Glassgow 2014 adalah berjumlah **RM1,956,650.00**. Perbelanjaan tersebut meliputi perkara-perkara berikut :-

- |                                   |                  |
|-----------------------------------|------------------|
| i. Tambang Kapal Terbang          | - RM1,640,900.00 |
| ii. Blazer Suit                   | - RM 201,750.00  |
| iii. Baju Melayu untuk Perbarisan | - RM 54,000.00   |
| iv. Lebihan bagasi                | - RM 60,000.00   |

Manakala pakaian ‘Track-suit’ dan ‘T-shirt’ Harimau jenama Yonex ditaja oleh Sunrise & Co. (Pte) Ltd dan kasut sukan jenama Power ditaja oleh BATA (M) Sdn Bhd.

5. Mesyuarat Penilaian Prestasi (Post Mortem) telah diadakan pada 12 Ogos 2014 (Selasa) di Dewan Komanwel, Majlis Sukan Negara dan dipengerusikan sendiri oleh YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia. Dalam mesyuarat tersebut, YB Menteri telah mengambil maklum tentang pelaporan dan pandangan yang diberikan oleh wakil-wakil daripada Majlis Sukan Negara, Majlis Olimpik Malaysia dan empatbelas (14) Persatuan Sukan Kebangsaan yang terlibat ke Sukan Komanwel Glasgow 2014.
6. Kesemua persatuan sukan kebangsaan terbabit diwajibkan untuk menyediakan laporan pelaksanaan Program Elit 2011-2014 termasuk laporan oleh Chef de Mission dan Pemimpin Pasukan (Team Leader) dalam tempoh 7 hari untuk dihantar ke pejabat YB Menteri. Cadangan dari Mesyuarat ‘Post Mortem’ sedang dinilai untuk dilaksanakan pada temasya akan datang.
7. Bagi mempertingkatkan prestasi atlet, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara sentiasa mewujudkan program jangka panjang di **peringkat atlet elit** dan **atlet pelapis** dengan mengadakan program latihan berpandukan **Pelan Periodisasi Latihan** yang dirangka secara bersama dengan Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dan jurulatih-jurulatih setiap tahun. Program ini merangkumi aspek-aspek latihan pendedahan luar negara dan program tindik (*attachment*), pertandingan dalam dan luar negara, kem-kem tahunan dan latihan pusat mengikut sukan, kem motivasi, latihan pusat akhir dan juga penerapan komponen latihan

sains dan perubatan sukan. Kementerian turut menyediakan insentif-insentif seperti elaun latihan, biasiswa sukan, program pendidikan dan skim hadiah kemenangan bagi memberi galakan kepada atlet-atlet ini yang menjadikan sukan sebagai satu kerjaya untuk mencapai kecemerlangan.

Sekian, terima kasih.